

12 SEP 2003

Bajet-Reaksi (Menteri)/I

DOKTOR PENTING BAGI KESIHATAN, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Doktor penting bagi kesihatan, demikian menurut Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng mengenai Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Chua berkata beliau gembira kerana hampir sembilan peratus peruntukan pembangunan bagi Bajet 2004 diperuntukkan bagi sektor kesihatan manakala Kementerian itu pada masa yang sama menerima lapan peratus daripada jumlah peruntukan belanjaan bagi 2004.

"Kami gembira dengan peruntukan ini, yang meningkat 20 peratus berbanding bajet lepas. Kami ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah memberikan begitu banyak bagi sektor kesihatan.

"Rakyat boleh lihat betapa prihatinnya Perdana Menteri berdasarkan amaun yang diberikan kepada sektor kesihatan pada kali ini. Doktor benar-benar penting bagi kesihatan," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting pula berkata bajet 2004 yang dibentang oleh Dr Mahathir merupakan bajet yang bersejarah memandangkan ia merupakan yang terpanjang yang pernah dibuat.

Ong yang juga merupakan Presiden MCA berkata bajet yang terpanjang yang pernah dibentangkan itu telah mengambil kira pelbagai aspek seperti penggalakkan ekonomi domestik, meningkatkan sektor perkhidmatan serta meningkatkan daya saing negara tetapi pada masa yang sama tetap meneruskan polisi masyarakat penyayang.

"Kita juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang memberi fokus kepada sektor industri kecil dan sederhana memandangkan banyak insentif telah diberikan pada belanjawan kali ini," katanya.

Ong berkata ini jelas ditunjukkan apabila kerajaan mengambil kira golongan seperti ibu tunggal, mereka yang kurang upaya serta golongan orang tua dalam pemberian rumah kos rendah.

"Saya juga gembira akhirnya Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan mengambil alih projek rumah kos rendah yang terbengkalai," katanya.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn pula berkata keputusan kerajaan untuk mengurangkan kadar faedah bagi pinjaman untuk latihan pembangunan kemahiran merupakan satu berita yang mengembirakan.

Beliau berkata dengan keputusan itu, lebih ramai pelajar lepasan sekolah serta universiti akan dapat memohon untuk menyertai latihan pembangunan kemahiran serta mengikuti kursus-kursus yang berbentuk kemahiran.

"Kita juga gembira kerana melalui belanjawan ini, peluang untuk orang kurang upaya untuk mendapatkan peluang pekerjaan akan diperluaskan. Selain itu, Kementerian juga akan memastikan tempat-tempat penjagaan anak di tempat kerja serta memastikan tempat kerja yang lebih sesuai diwujudkan," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula menyifatkan bajet kali ini merupakan yang terbaik yang pernah diberikan oleh kerajaan.

Beliau berkata ini memandangkan kerajaan mengambil kira keperluan semua pihak yang terdapat di negara ini.

"Bajet kali ini merupakan pengarah baru iaitu satu "peralihan paradigma" supaya kita dapat menghadapi sebarang masalah pada masa hadapan," katanya.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata bajet kali ini akan membantu merealisasikan program memodenkan Angkatan Tentera Malaysia.

Katanya, dengan peruntukan RM400 juta untuk perumahan anggota tentera, kebajikan mereka telah diambil berat.

Beliau juga berkata keseluruhannya, bajet kali ini memberi peluang kepada Kementerian Pertahanan untuk menggerakkan semua rancangannya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu pula berkata bajet itu akan membuka ruang kepada sektor swasta untuk memandu ekonomi negara yang sebelum ini dipacu oleh kerajaan.

"Ia bajet yang mahukan sektor swasta untuk mamain peranan utama dalam ekonomi negara. Ia mengukuhkan langkah fiskal kira dan satu bajet yang berimbang," katanya.

Beliau berkata bajet itu akan mengukuhkan daya saing negara dan menjadikan Malaysia benar-benar sebagai sebuah negara perdagangan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein menyambut baik peruntukan sebanyak RM657.9 juta kepada kementeriannya.

Beliau berkata pemberian biasiswa kepada atlet cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dan membangunkan karier mereka sebagai jurulatih dan pengurus sukan adalah langkah yang bijak.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula bersyukur kerana kementeriannya mendapat apa yang diperjuangkan selama ini untuk golongan wanita.

Beliau berharap ibu tunggal di desa mengambil peluang daripada peruntukan RM100 juta di bawah Skim Kredit Desa untuk pinjaman kepada mereka yang mempunyai perusahaan sendiri.

Pemberian diskaun 20 peratus bagi ibu tunggal yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah kos rendah adalah langkah yang sangat baik, katanya.

Shahrizat berkata pelepasan cukai anak yang dinaikkan kepada RM1,000 seorang daripada RM800 sebelum ini, akan meringankan beban ibubapa ke atas perbelanjaan anak-anak mereka.

-- BERNAMA

TM MUN MOZ